

17/06/2003

Wanita tetap utamakan kepentingan parti

Veena Rusli; Salina Abdullah

"TIDAK timbul soal era sebelum atau selepas (Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad). Pemimpin datang dan pergi, yang ada ialah Umno. Wanita Umno akan meneruskan agenda Umno. Kita taat setia kepada pemimpin yang memimpin

Umno, pada bila-bila masa dan kenang segala jasa pemimpin sebelumnya.

"Taat setia bukan untuk pemimpin tetapi parti. Oleh kerana orang yang memimpin parti itu adalah si dia dan dia, maka kita taat setia kepada orang itu dalam menjalankan urusan parti.

"Kalau seseorang itu tidak menjalankan urusan parti dengan baik, mengkhianati parti, kita tidak harus taat pada dia. Kita sudah buktikan ini pada masa lalu," kata Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah

Aziz.

Kesihatannya yang sedikit terganggu ketika pertemuan petang Khamis lalu

tidak menjejaskan kelancaran Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

itu dalam membicarakan soal Umno, khususnya perjuangan sayap Wanita yang nyata sehati dengan dirinya.

Sekalipun mengakui pengunduran Dr Mahathir selaku Perdana Menteri dan Presiden Umno menjelang persaraannya Oktober ini pasti disulami kepiluan berikutan terlalu banyak sumbangan pemimpin terbilang itu selama ini, Rafidah berkata ahli Umno perlu meletakkan kepentingan parti mengatasi segala-galanya, terutama dalam hal membabitkan kesetiaan.

Tidak keterlaluan dikatakan, mentaliti seperti itulah yang menjadikan Pergerakan Wanita sebagai tunjang kekuatan Umno. Tanpa banyak publisiti atau kenyataan berapi-api di dada akhbar, gerak kerjanya pada peringkat akar umbi di seluruh negara rancak berjalan, terutama program kemasyarakatan yang berkait rapat dengan usaha mendampingi ahli dan pengundi.

Dengan meletakkan parti dan bukan pemimpin sebagai tonggak kesetiaan, Rafidah memastikan kudrat yang dicurahkan ahli pergerakan itu selama ini adalah bagi memastikan kesinambungan tradisi perjuangan Umno untuk membela

nasib bangsa Melayu dan ia perlu dizahirkan menerusi keputusan pada pilihan raya umum.

"Untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang, Wanita Umno sudah membuat persiapan dalam pelbagai segi pada peringkat akar umbi sejak lebih

setahun lalu. Fokus utama kita ialah memantau pengundi, meneliti ahli Umno

yang belum mendaftar sebagai pengundi dan mencari pengundi baru.

"Apabila pengundi sudah dikenal pasti, kita mengadakan program berterusan dengan pelbagai lapisan masyarakat. Kita kena ingat, pengundi bukan terbatas di kalangan ahli Umno tetapi merangkumi rakyat berbilang kaum.

"Wanita buat program dengan parti komponen dalam Barisan Nasional (BN),

pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat tempatan, terutama yang membabitkan wanita kerana pengaruh besar kumpulan ini.

"Kita mahu rakyat sedar bahawa dengan menyokong Umno dan BN, kita boleh membela nasib mereka dan meneruskan pembangunan negara. Kalau pun mereka tidak dapat menikmatinya secara langsung, ia mungkin memanfaatkan anak mereka," jelasnya.

Sebagai antara pemimpin yang sudah lama mengenali hati budi Dr Mahathir, Rafidah menegaskan segala teguran, pandangan dan nasihat Presiden Umno mengenai perpaduan adalah aspek yang perlu diterima secara serius serta dihalusi sedalam-dalamnya.

Malah, katanya, aspek perpaduan negara dan usaha memajukan Malaysia boleh dianggap sebagai imej serta iltizam berterusan Dr Mahathir sejak sekian lama.

"Saya rasa itulah tema dalam segala perkara yang dilakukannya sejak dulu. Dalam setiap perbincangan termasuk urusan pembentukan dasar, Dr Mahathir sentiasa memberi ingatan bahawa tanpa perpaduan, segala usaha yang dilakukan tidak ada gunanya.

"Dr Mahathir mahu kita mewujudkan perpaduan sebagai orang Islam dan orang Melayu kerana perkara itu juga akan membolehkan negara dibangunkan dengan maju. Dalam apa juga dasar, itulah latar belakangnya dan kerana itulah kita boleh sampai ke tahap sekarang... kita maju tanpa ada perpecahan sosial," katanya.

Reaksi penuh emosi Rafidah ketika Dr Mahathir 'menggegarkan' rakyat Malaysia menerusi keputusannya untuk berundur daripada parti dan tampuk pentadbiran negara dalam ucapan penggulungan Perhimpunan Agung Umno ke-53

di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) kira-kira setahun lalu

masih segar di ingatan. Mampukah beliau menahan perasaannya pada hari terakhir persidangan kali ini?

"Sebenarnya, emosi saya banyak diluahkan (pada hari terakhir persidangan) tahun lalu. Saya tidak akan menjadi lebih emosi daripada itu.

Saya sudah bersedia dari segi perasaan dalam setahun ini. I had my emotional moments then... it was at its peak (detik emosional saya menemui kemuncak tahun lalu).

"Saya rasa, rata-rata ahli Umno sudah bersedia. Memang kita sedih kerana selepas ini tiada lagi Dr Mahathir sebagai Presiden Umno, tetapi saya tak rasa kita akan meraung macam dulu. Kita dah luahkan segala-galanya dan kita tahu apa yang akan berlaku.

"Saya tak jangka kepiluan kali ini akan sama seperti dulu. Sedikit-sebanyak memang kita sedih, tetapi kedukaan itu tidak sedalam dulu. Kita sudah kerap diingatkan mengenai pengunduran Dr Mahathir, termasuk oleh beliau sendiri... kita sudah sedia dari segi mentalnya," katanya.

Penjelasan itu dengan sendirinya mengacu soalan susulan yang sudah diduga oleh Rafidah - harapan Wanita Umno terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Presiden Umno dan Perdana Menteri.

Dengan nada serius, Rafidah mengingatkan ahli Umno, terutama ahli

Wanita

dan rakyat Malaysia secara amnya supaya tidak membandingkan kemampuan Abdullah dengan pengalaman hampir 23 tahun Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno.

"Saya yakin Pak Lah (Abdullah) akan menjalankan tugasnya dengan baik. Kita mesti ingat, Dr Mahathir berada di kemuncak kecemerlangan selepas 23

tahun berkhidmat sedangkan Pak Lah baru ingin memulakan tanggungjawabnya.

Adalah tidak adil kalau kita buat perbandingan.

"Beri masa pada Pak Lah, insya-Allah beliau akan sampai ke tahap yang diharapkan. Beliau mungkin tidak perlukan 23 tahun kerana Pak Lah sudah mempunyai asas yang kukuh, cuma tempoh penyesuaian dan pembelajarannya mungkin pendek sikit.

"Pak Lah memerlukan sokongan dan kesetiaan tidak berbelah bagi daripada

ahli Umno. Sokongan pula bukan sebab beliau bakal Perdana Menteri yang boleh bagi kita apa-apa projek, sebaliknya sokongan kepada pemimpin parti

dan kerajaan," katanya.

Rafidah mengakui Dr Mahathir adalah pendengar yang baik terhadap pandangan atau permasalahan anak buahnya, selain peka terhadap kemahuan ahli parti dan Wanita Umno tidak ketinggalan daripada mengecap pelbagai nikmat hasil keprihatinan pemimpin kesayangan rakyat itu.